
TAHAP PENGETAHUAN GURU TADIKA TERHADAP KEMAHIRAN SOSIAL UNTUK KANAK-KANAK: SATU ANALISIS KEPERLUAN

Mohamad Albaree Abdul¹, Zaharah Osman², Saedah Siraj³, Hazhari Ismail⁴

Jabatan Pendidikan awal kanak-kanak, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia
E-mail: albaree@fpm.upsi.edu.my, zaharah@fpm.upsi.edu.my, saedah@fpm.upsi.edu.my, hazhari@fpm.upsi.edu.my

Abstrak

Kemahiran sosial merupakan salah satu kemahiran yang dianggap penting dalam kehidupan kanak-kanak. Hal ini kerana, pembentukan kemahiran sosial diperingkat awal dapat membantu kanak-kanak dalam menghadapi pelbagai situasi sosial dalam kehidupan mereka. Di Tadika, guru merupakan insan yang memainkan peranan penting dalam membina kemahiran sosial kanak-kanak. Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan guru tadika terhadap kemahiran sosial untuk kanak-kanak. Kajian tinjauan bersifat deskriptif ini adalah berdasarkan satu set borang soal selidik yang melibatkan 120 orang guru tadika di sekitar negeri Negeri Selangor. Data maklum balas yang diperolehi akan dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 26.0 untuk melihat peratusan, skor min, dan juga sisihan piawai. Dapatan kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan guru tadika berkenaan dengan kemahiran sosial untuk kanak-kanak masih berada di tahap yang sederhana ($M = 3.48$, $SP = 1.04$). Kesimpulannya, kajian ini memberikan gambaran tentang tahap pengetahuan guru tadika terhadap kemahiran sosial untuk kanak-kanak yang dilihat sangat membimbangkan dan perlu membuat penambahbaikan yang sesuai untuk mengatasi masalah tersebut.

Kata kunci : *Kemahiran sosial; Pengetahuan; Kanak-kanak*

Abstract

Social skills are considered as important skills in a child's life. For the reason that the development of social skills during in early stage could help children in dealing with various social circumstances in their daily lives. In kindergarten, teachers who play an important role in moulding children's social skills. Therefore, this study was conducted to identify the level of knowledge of kindergarten teachers on social skills for children. This descriptive survey study was adopted which by using a set of questionnaires participated by 120 kindergarten teachers around Selangor. The feedback data obtained has been analyzed by using Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 26.0 to determine the percentage, mean score, and standard deviation. The findings of the study found that the level of knowledge of kindergarten teachers on social skills for children is still at a moderate level ($M = 3.48$, $SP = 1.04$). In conclusion, this study provides an overview of the level of knowledge of kindergarten teachers on social skills for children who are seen concerned and require to provide appropriate improvements to overcome the problem.

Keywords : *Social skill; Knowledge; Children*

I. PENGENALAN

Kemahiran sosial merupakan kemahiran yang sangat penting dalam kehidupan seseorang individu khususnya dalam kalangan kanak-kanak. Hal ini kerana, kemahiran ini sangat diperlukan oleh setiap kanak-kanak untuk membesar dengan lebih produktif. Menurut Children and Youth Health (CYH) dalam kajian Nur Diyanah dan Syaza Hazwani (2021) menyatakan bahawa, kemahiran sosial dapat ditakrifkan sebagai keupayaan kanak-kanak dalam menjalinkan persahabatan, bekerjasama dan tolong-menolong, mendengar dan mengikut arahan dengan baik, penglibatan dalam

kerja berpasukan, serta mempunyai komunikasi yang positif. Selain itu, kemahiran sosial dapat dipelajari oleh kanak-kanak apabila mereka mula menunjukkan interaksi dengan orang disekelilingnya (Smidt, 2010).

Penguasaan kemahiran sosial kanak-kanak dapat dibina dan diperkembangkan menerusi aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan di tadika. Ini kerana pelaksanaan proses pembelajaran kanak-kanak di tadika adalah berdasarkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang bertujuan untuk menyediakan pengalaman yang sangat bermakna sebagai asas persediaan awal

kanak-kanak memasuki alam persekolahan di sekolah rendah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Menurut Jain Chee (2017), golongan yang mempunyai akauntabiliti dalam melaksanakan kurikulum tersebut secara langsung adalah guru dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Hal ini demikian, guru merupakan orang yang memainkan peranan penting dalam melaksanakan dan memilih strategi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang paling sesuai dan juga berkesan (McKenney & Voogt, 2017; Blackwell., Lauricella & Wartella, 2016; Celik, Sahin, & Akturk, 2014; Mariani & Mohd Sofian, 2012). Untuk melaksanakan tanggungjawab ini, setiap guru tadika perlu mempunyai kreativiti dan kemahiran dalam membina aktiviti pembelajaran selaras matlamat yang digariskan di dalam KSPK.

II. PENYATAAN MASALAH

Secara umumnya, kemahiran sosial adalah satu set kemahiran dan tingkah laku yang boleh diterima untuk mewujudkan interaksi individu dengan orang lain secara berkesan, dan membantu mengelakkan tindak balas yang tidak dapat diterima secara sosial (Nor Fatimah, Azizah Zain, & Zarina Eshak, 2020). Kemahiran ini perlu dimiliki dan dibentuk bermula di peringkat kanak-kanak. Hal ini kerana, ianya sangat penting dalam memberi impak yang besar terhadap fungsi dalam kehidupan terutama yang melibatkan diri, orang lain, dan persekitaran sosial.

Selain itu, Docksai (2010) berpandangan bahawa pembinaan kemahiran sosial kanak-kanak mampu memberi kesan yang positif bukan sahaja dari aspek interpersonal, malah sekaligus turut mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Namun begitu, dapatan pemerhatian yang dilaksanakan oleh Wizliyani Agustina dan Husain Ibrahim (2019) menjelaskan bahawa terdapat segelintir kanak-kanak yang masih mempunyai permasalahan dari aspek kemahiran sosial yang melibatkan rakan sebaya dan orang sekeliling. Keadaan ini membolehkan kanak-kanak akan gemar melakukan perbuatan menyendiri dan mengelak daripada berhadapan dengan orang lain. Kesannya, kanak-kanak akan menghadapi masalah dari segi pergaulan, sering dibuli, dan akan dipinggirkan oleh rakan sebaya.

Tambahan pula, corak pengajaran bersifat konvensional yang memberi tumpuan terhadap penguasaan 3M (Membaca, Mengira, dan Menulis) masih ditekankan dalam kalangan guru (Nur Dihanah & Syaza Hazwani, 2021; Baroroh, 2015;

Jaslinah, 2014; Saayah Abu, 2003). Ini ditambah lagi, permintaan kebanyakan ibu bapa menginginkan anak mereka lebih mengutamakan penguasaan kemahiran 3M, supaya dapat melepasi ujian Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS) semasa memasuki darjah satu di awal persekolahan sekolah rendah (Jupri Bacotang, 2019; Zaida Wiyani, 2016; Jain et al., 2015; Ng & Yeo, 2014). Hal ini memberi gambaran bahawa, matlamat KSPK tidak dapat dicapai sepenuhnya disebabkan tumpuan hanya tertumpu kepada aspek IQ (Intelligence quotient) kanak-kanak semata-mata berbanding penguasaan EQ (Emotional Quatient) yang dilihat semakin dipinggirkan.

III. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan guru tadika terhadap kemahiran sosial untuk kanak-kanak.

IV. METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dilaksanakan ini adalah berbentuk deskriptif yang menggunakan kaedah tinjauan. Seramai 120 orang guru tadika di sekitar negeri Selangor telah dipilih untuk dijadikan sebagai sampel kajian. Kaedah persampelan yang digunakan adalah persampelan bertujuan (purposive sampling) jenis homogeneous. Menurut Ashley Crossman (2020) menjelaskan bahawa persampelan bertujuan jenis homogeneous merujuk kepada kumpulan sampel yang mempunyai kriteria-kriteria yang sama. Kajian ini menggunakan instrumen satu set borang soal selidik yang telah diadaptasi dan diubahsuai. Instrumen kajian ini telah mendapat kesahan daripada pakar bahasa dan kandungan untuk memastikan instrumen ini sesuai digunakan.

Proses analisis data bagi kajian ini adalah menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 26.0. Penganalisaan data dibuat adalah berdasarkan kepada statistik deskriptif yang melihat kepada kekerapan, peratusan, skor min dan juga sisihan piawai. Menurut Uma Sekaran (2000), menyatakan bahawa statistik deskriptif dapat digunakan untuk menjelaskan sesuatu fenomena ataupun situasi yang sedang berlaku. Hasil dapatan kajian ini akan menentukan tahap pengetahuan guru tadika terhadap kemahiran sosial untuk kanak-kanak.

V. DAPATAN KAJIAN

A. Demografi Responden

Bahagian A merujuk kepada demografi responden yang terlibat dalam kajian ini. Seramai 120 orang responden kajian yang terdiri daripada guru-guru tadika yang berada di negeri Selangor. Analisis demografi responden hanya melibatkan empat item iaitu jantina, umur, kelayakan akademik, dan pengalaman bekerja. Rumusan bagi analisis demografi responden untuk Bahagian A dapat ditunjukkan dalam 1.

Jadual 1 : Demografi Responden

Item	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	12	10.0
Perempuan	108	90.0
Jumlah	120	100
Umur		
21 tahun – 25 tahun	56	46.7
26 tahun – 30 tahun	29	24.2
31 tahun – 35 tahun	10	8.3
36 tahun – 40 tahun	11	9.2
41 tahun ke atas	14	11.7
Jumlah	120	100
Kelayakan Akademik		
SPM	13	10.8
STPM/Diploma	56	46.7
Ijazah Sarjana Muda	49	40.8
Ijazah Sarjana	2	1.7
Ph.D	0	0.0
Jumlah	120	100
Pengalaman Bekerja		
5 tahun ke bawah	49	40.8
6 – 10 tahun	38	31.7
11 – 15 tahun	16	13.3
16 – 20 tahun	8	6.7
21 tahun ke atas	9	7.5
Jumlah	120	100

Berdasarkan analisis deskriptif dalam Jadual 1 mendapati item bagi jantina menunjukkan 10% responden dalam kajian ini adalah lelaki dan selebihnya iaitu 90% atau 108 orang responden adalah perempuan. Hal ini memberi gambaran yang jelas bahawa kerjaya guru dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak didominasi oleh kaum perempuan berbanding lelaki.

Berdasarkan analisis peringkat umur dalam kajian ini, responden yang berada dalam lingkungan umur 21 tahun hingga 25 tahun

merupakan responden yang tertinggi iaitu sebanyak 46.7% atau 56 orang. Seterusnya, responden dalam lingkungan umur 26 tahun hingga 30 tahun merupakan responden kedua tertinggi dalam kajian ini dengan mencatatkan 24.2% bersamaan dengan 29 orang. Ini diikuti dengan lingkungan umur 41 tahun ke atas iaitu 11.7% (14 orang). Manakala, responden yang berumur antara 31 tahun hingga 35 tahun dan 36 tahun hingga 40 tahun masing-masing merekodkan sebanyak 8.3% (10 Orang) dan 9.2% (11 Orang).

Bagi kategori kelayakan akademik dalam Jadual 4.1 menunjukkan bahawa, sebahagian besar sampel kajian mempunyai tahap pendidikan diperingkat STPM/Diploma iaitu 46.7% atau 56 orang. Manakala, responden yang mempunyai kelayakan akademik diperingkat Ijazah Sarjana Muda merekodkan sebanyak 40.8% bersamaan dengan 49 orang daripada jumlah saiz sampel dan merupakan nilai kedua tertinggi dalam kategori ini. Seterusnya, responden yang mempunyai kelayakan akademik bagi peringkat SPM mencatatkan 10.8% atau 13 orang. Terdapat juga responden yang mempunyai kelayakan akademik di peringkat Ijazah Sarjana iaitu seramai 2 orang bersamaan dengan 1.7% daripada jumlah saiz sampel dalam kajian ini.

Analisis bagi kategori pengalaman bekerja memaparkan majoriti responden mempunyai pengalaman bekerja selama 5 tahun ke bawah iaitu seramai 49 orang atau 40.8% dan diikuti 31.7% bersamaan dengan 38 responden yang mempunyai pengalaman bekerja selama 6 hingga 10 tahun. Hal ini menunjukkan bahawa peluang pekerjaan dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dilihat semakin meluas. Bagi responden yang mempunyai pengalaman bekerja 11 hingga 15 tahun adalah seramai 16 orang atau 13.3%. Seterusnya, analisis data menunjukkan kategori pengalaman bekerja bagi 16 hingga 20 tahun dan 21 tahun ke atas, masing-masing mencatatkan 6.7% (8 orang) dan 7.5% (9 Orang).

B. Tahap pengetahuan guru tadika terhadap kemahiran sosial untuk kanak-kanak

Bahagian ini menjelaskan analisis dapatan kajian iaitu Apakah tahap pengetahuan guru tadika terhadap kemahiran sosial untuk kanak-kanak. Oleh itu, dapatan kajian ini dibahagikan kepada tiga kumpulan untuk mengukur tahap pengetahuan guru sama ada berada ditahap rendah, sederhana, mahupun tinggi berdasarkan skor min seperti Jadual 2.

Jadual 2 : Jadual tafsiran min

Kumpulan	Julat	Tahap
1	1.00 – 2.33	Rendah
2	2.34 – 3.67	Sederhana
3	3.68 – 5.00	Tinggi

Sumber : *Adaptasi daripada Wiersma, 2000*

Jadual 3 merumuskan analisis dapatan kajian bagi tahap pengetahuan guru tadika terhadap kemahiran sosial untuk kanak-kanak. Penggunaan skala likert lima mata iaitu *1- Sangat rendah, 2- Rendah, 3- Agak tinggi, 4- Tinggi, dan 5- Sangat tinggi* digunakan bagi melihat skor min dan sisihan piawai (*SP*) berdasarkan persetujuan guru terhadap 14 item yang telah dibangunkan.

Jadual 3 : Analisis Tahap pengetahuan guru tadika

No	Item	Skor Min	Sisihan Piawai (<i>SP</i>)	Tahap Pengetahuan
B1	Saya berpengetahuan tentang jenis-jenis kemahiran sosial yang sesuai untuk kanak-kanak.	3.71	0.974	Tinggi
B2	Saya berpengetahuan tentang tahap-tahap perkembangan kemahiran sosial kanak-kanak.	2.98	1.080	Sederhana
B3	Saya berpengetahuan tentang proses-proses tertentu untuk memperkembangkan kemahiran sosial kanak-kanak.	3.20	1.157	Sederhana
B4	Saya berpengetahuan tentang ransangan yang mendorong perkembangan kemahiran sosial kanak-kanak.	3.57	0.896	Sederhana
B5	Saya berpengetahuan tentang langkah-langkah membina kemahiran sosial kanak-kanak.	3.78	0.983	Tinggi
B6	Saya berpengetahuan tentang kaedah pengajaran yang menumpukan aspek kemahiran sosial kanak-kanak.	3.54	1.122	Sederhana
B7	Saya berpengetahuan tentang aktiviti-aktiviti yang dapat dilaksanakan untuk membantu memperkembangkan kemahiran sosial kanak-kanak.	3.46	0.819	Sederhana
B8	Saya berpengetahuan tentang nilai-nilai yang perlu dimasukkan dalam membina kemahiran sosial kanak-kanak.	2.98	1.130	Sederhana
B9	Saya berpengetahuan tentang teknik menggalakkan kanak-kanak untuk menggunakan kemahiran sosial mereka.	3.23	1.262	Sederhana
B10	Saya berpengetahuan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran sosial kanak-kanak.	3.53	1.069	Sederhana
B11	Saya berpengetahuan tentang cara untuk mengenal pasti kanak-kanak yang mempunyai permasalahan dari aspek kemahiran sosial.	3.45	1.295	Sederhana
B12	Saya berpengetahuan tentang kaedah mengatasi masalah kemahiran sosial kanak-kanak.	3.40	1.133	Sederhana
B13	Saya berpengetahuan tentang strategi untuk menunjukkan contoh-contoh kemahiran sosial yang sesuai kepada kanak-kanak.	3.28	1.189	Sederhana
B14	Saya berpengetahuan tentang kepentingan kemahiran sosial untuk kanak-kanak.	4.56	0.499	Tinggi
Purata Keseluruhan		3.48	1.04	Sederhana

Analisis data secara deskriptif dalam Jadual 3 dilaksanakan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan guru tadika terhadap kemahiran sosial untuk kanak-kanak berdasarkan 14 item Bahagian B yang telah dibangunkan. Jadual 3 menunjukkan

skor min dan sisihan piawai secara terperinci serta tahap pengetahuan bagi setiap item yang dikemukakan kepada responden yang terlibat dalam kajian ini. Secara keseluruhannya, tahap pengetahuan guru berkenaan dengan kemahiran

sosial untuk kanak-kanak berada pada tahap “sederhana” dengan mencatatkan purata kesesluruhan skor min 3.48 dan sisihan piawai 1.04. Ini menggambarkan bahawa penekanan pembelajaran kemahiran sosial masih di tahap yang membimbangkan. Berdasarkan perincian item dalam Jadual 4.14, didapati item B14 “*Saya berpengetahuan tentang kepentingan kemahiran sosial untuk kanak-kanak*” mempunyai skor min yang paling tinggi berbanding dengan item-item yang lain iaitu 4.56 dan sisihan piawai adalah 0.499 berada pada tahap tinggi. Ini diikuti dengan item yang berada tahap tinggi iaitu item B5 “*Saya berpengetahuan tentang langkah-langkah membina kemahiran sosial kanak-kanak*” ($M= 3.78$, $SP= 0.983$), dan item B1 “*Saya berpengetahuan tentang jenis-jenis kemahiran sosial yang sesuai untuk kanak-kanak*” dengan catatan skor min 3.71 dan sisihan piawai adalah 0.974.

Bagi tahap sederhana pula, item B2 “*Saya berpengetahuan tentang tahap-tahap perkembangan kemahiran sosial kanak-kanak*” ($M= 2.98$, $SP= 1.080$), item B3 “*Saya berpengetahuan tentang proses-proses tertentu untuk memperkembangkan kemahiran sosial kanak-kanak*” ($M= 3.20$, $SP= 1.157$), item B4 “*Saya berpengetahuan tentang ransangan yang mendorong perkembangan kemahiran sosial kanak-kanak*” ($M=3.57$, $SP= 0.896$), item B6 “*Saya berpengetahuan tentang kaedah pengajaran yang menumpukan aspek kemahiran sosial kanak-kanak*” ($M=3.54$, $SP=1.122$), item B7 “*Saya berpengetahuan tentang aktiviti-aktiviti yang dapat dilaksanakan untuk membantu memperkembangkan kemahiran sosial kanak-kanak*” ($M= 3.46$, $SP= 0.819$), item B8 “*Saya berpengetahuan tentang nilai-nilai yang perlu dimasukkan dalam membina kemahiran sosial kanak-kanak*” ($M= 2.98$, $SP= 1.130$), item B9 “*Saya berpengetahuan tentang teknik menggalakkan kanak-kanak untuk menggunakan kemahiran sosial mereka*” ($M= 3.23$, $SP= 1.262$), item B10 “*Saya berpengetahuan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran sosial kanak-kanak*” ($M= 3.53$, $SP= 1.069$), item B11 “*Saya berpengetahuan tentang cara untuk mengenal pasti kanak-kanak yang mempunyai permasalahan dari aspek kemahiran sosial*” ($M= 3.45$, $SP= 1.295$), item B12 “*Saya berpengetahuan tentang kaedah mengatasi masalah kemahiran sosial kanak-kanak*” ($M= 3.40$, $SP= 1.133$), dan item B13 “*Saya berpengetahuan tentang strategi untuk menunjukkan contoh-contoh kemahiran sosial yang sesuai kepada kanak-kanak*” mencatatkan skor min 3.28 dan sisihan piawai adalah 1.189.

VI. PERBINCANGAN

Berdasarkan hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru tadika terhadap kemahiran sosial untuk kanak-kanak berada di tahap yang sederhana ($Min=3.48$, $SP= 1.04$). Hal ini memberi gambaran bahawa tumpuan terhadap aspek kemahiran sosial sangat membimbangkan dalam kalangan guru tadika. Keadaan ini memberi kesan terhadap penguasaan kemahiran sosial dalam kalangan kanak-kanak seperti kanak-kanak akan mempunyai penyesuaian emosi yang lebih rendah, selalu bersendirian, sering ditolak oleh rakan sebaya (Seyyed Azizullah Tehrani, 2011), menunjukkan kekurangan kompromi dalam hubungan interpersonal, masalah tingkah laku (Karimi, Keikhavani, & Mohammadi, 2010), dan tingkah laku agresif secara berulang (Shirkosh, Mirzaei, Tabari, Kazemnejadileili, & Rostami, 2016). Justeru, kajian Stright, Gallagher, dan Kelley (2008) menjelaskan bahawa guru merupakan tonggak utama dalam membangunkan kemahiran sosial kanak-kanak bertujuan untuk membantu kanak-kanak bersedia berhadapan dengan permintaan sosial dan kemahiran ini sangat diperlukan bagi mengelakkan kesan-kesan seperti yang telah dinyatakan.

Jika dilihat semula, item yang mendapat skor min paling tinggi adalah item B14 iaitu *Saya berpengetahuan tentang kepentingan kemahiran sosial untuk kanak-kanak* dengan catatan 4.56, dan sisihan piawai 0.499. Hal ini menunjukkan guru mengetahui bahawa elemen kemahiran sosial sangat diperlukan dan penting untuk kanak-kanak. Dapatan ini selari dengan kajian Maleki et al. (2018) yang menjelaskan bahawa kemahiran sosial penting untuk penyesuaian individu dengan persekitaran sosial yang berbeza, hubungan kesihatan dapat ditingkatkan, dan dapat mempengaruhi seseorang individu dalam menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi. Hujah ini diperkukuhkan lagi oleh kajian Nor Fatimah Jaafar et al. (2020) yang menyatakan bahawa kemahiran sosial dianggap penting dan diperlukan oleh kanak-kanak kerana elemen tersebut mampu memberi impak yang besar terhadap fungsi dalam kehidupan.

VII. KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini memperjelaskan tentang tahap pengetahuan guru tadika terhadap kemahiran sosial untuk kanak-kanak. Diharap dapatan ini membantu pelbagai pihak untuk membuat dan mengenalpasti penambahbaikan dari aspek amalan pengajaran, strategi yang diperlukan, pendekatan pembelajaran kanak-kanak dan sebagainya dalam membantu guru-guru tadika meningkatkan tahap pengetahuan mereka terhadap kemahiran sosial

untuk kanak-kanak. Hal ini kerana, guru yang berpengetahuan akan dapat membantu dan meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak dan secara tidak langsung dapat meningkatkan prestasi akademik dan perkembangan mereka secara optimum.

PENGHARGAAN





Syukur ke hadrat Ilahi kerana limpah dan kurniaNya, akhirnya saya dapat menyiapkan kajian ini. Perjuangan ini tidaklah dilakukan dengan sendirinya tanpa bantuan orang-orang kuat disebalik tabir yang banyak memberikan sumbangan besar dalam menyiapkan penyelidikan ini. Pertama sekali saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr. Zaharah Osman dan Prof. Dr. Saedah Siraj di atas bantuan, bimbingan, dan tunjuk ajar sepanjang tempoh pelaksanaan kajian ini. Kedua, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada rakan seperjuangan saya En. Hazhari Ismail yang bertungkus-lumus dan berkerja keras membantu dalam penyelidikan ini. Ketiga, tidak lupa juga kepada guru-guru tadika yang memberi maklum balas dan kerjasama yang baik dalam penyelidikan ini. Ketelusan yang diberikan amatlah saya hargai.

RUJUKAN

- [1] Ashley Crossman (2020, February 09). Understanding Purposive Sampling: An Overview of the Method and Its Applications. Retrieved from <https://www.thoughtco.com/purposive-sampling-3026727>
- [2] Baroroh, N. (2015). Keterampilan sosial anak usia dini dan strategi pengembangannya. *Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 2.
- [3] Blackwell, C. K., Lauricella, A. R., & Wartella, E. (2016). The influence of TPACK contextual factors on early childhood educators' tablet computer use. *Computers & Education*, 98, 57-69.
- [4] Celik, I., Sahin, I., & Akturk, A. O. (2014). Analysis of the relations among the components of technological pedagogical and content knowledge (TPACK): A structural equation model. *Journal of Educational Computing Research*, 51(1), 1-22.
- [5] Docksai, R. (2010). Teaching social skills: Success in school may be enhance by better social relationship. *The Futurist*, 12-13.
- [6] Jain Chee. (2017). Penerokaan Pengetahuan Teknologi, pedagogi dan kandungan dalam kalangan guru prasekolah di daerah Sandakan, Sabah. (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- [7] Jain, C, Mariani M. N., Nor Mashitah M. R., Che" Mah Yusof, Abdullah Kadir, & Shahrul Nizam Salim. (2015). The preschool curriculum implementation versus problems. *International Journal of Early Childhood Education and Care*, 4(1), 31-43.
- [8] Jaslinah Makantal. (2014). Perkembangan kemahiran sosial kanak-kanak melalui bermain. *Jurnal Penyelidikan Kent*, 82-101.
- [9] Juppri Bacotang. (2019). Pembangunan dan kebolegunaan indikator kemahiran literasi awal kanak-kanak/ Juppri Bacotang (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- [10] Karimi M, Keikhavani S, Mohammadi M. (2010). Efficacy of social skills training on behavior disorders among elementary school children (Persian). *Scientific Journal of Ilam University of Medical Sciences*, 18(3), 61-8.
- [11] Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Buku Penerangan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Kspk) (Semakan 2017). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [12] Maleki, M., Chehrzad, M. M., Reza Masouleh, S. H., Kazemnezhad Leyli, E. (2018). Social skills in preschool children from their parents' points of view. *J Holist Nurs Midwifery*, 28(4), 218-223.
- [13] Mariani Md Nor & Mohd Sofian Omar-Fauzee. (2012). Trend dan isu dalam mainan dan peluahan kreatif kanak-kanak. Kuala Lumpur: Pearson.
- [14] McKenney, S., & Voogt, J. (2017). Expert view on TPACK for early literacy: Priorities for teacher education. *Australasian Journal of Educational Technology*, 33(5), 1-14
- [15] Ng, P. F., & Yeo, K. J.. (2014). Preschool teachers' beliefs and practices on early literacy instruction. *Sains Humanika*, 2(4), 139-146.
- [16] Nor Fatinah, Azizah Zain, & Zarina Eshak. (2020). Peranan ibu bapa dalam membantu

- perkembangan sosial kanak-kanak melalui aktiviti bermain semasa perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9, 52-60.
- [17] Nur Diyanah Hasan, & Syaza Hazwani Zaini. (2021). Penerapan Kemahiran Social Terhadap Kanak-Kanak Melalui Aktiviti Main Peranan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 10(1), 25-40.
- [18] Saayah Abu (2003). Pelaksanaan belajar melalui bermain di tadika-tadika kawasan Melaka Tengah, Melaka. Insitut Pendidikan Guru Malaysia: Kampus Pendidikan Islam.
- [19] Seyyed Azizullah Tehrani SM. (2011). Evaluate the effectiveness of telling a story to promote social skills based on behaviours related to girls in elementary fourth base in city of Tehran (Persian) (MA thesis, Tehran: Allameh Tabataba'i University).
- [20] Shirkosh, S., Mirzaei, M., Tabari, R., KazemnejadLeili, E., & Rostami, M. (2016). Evaluation of aggression and socioeconomic factors associated it, among preschool children. *Journal of Holistic Nursing And Midwifery*, 26(4), 90-98.
- [21] Smidt, S. (2010). *Playing to learn: The role of play in the early years*. Routledge.
- [22] Stright, A. D., Gallagher, K. C., & Kelley, K. (2008). Infant temperament moderates relations between maternal parenting in early childhood and children's adjustment in first grade. *Child Development*, 79(1), 186–200.
- [23] Uma Sekaran. (2000). *Research methods for bussiness: A skill building aproach*. New York: Jon Wiley & Son Inc.
- [24] Wizliyani Agustina & Husain Ibrahim. (2019). Upaya meningkatkan perkembangan keterampilan sosial anak melalui metode sosiodrama. *Jurnal Riset Golden Age PAUD UHO*, 2, 147–158.
- [25] Zaida Wiyani Zakaria. (2016). Amalan guru prasekolah dan keterlibatannya dalam mempersiapkan kanak-kanak ke program LINUS literasi. Kertas kerja yang dibentangkan dalam The 7th UPSI-UPI International Coference 2016. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim. Perak.

AUTHOR'S INFORMATION

First Author: Name 	Jabatan Pendidikan awal kanak-kanak, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia E-mail: albaree@fpm.upsi.edu.my
Second Author: Name 	Jabatan Pendidikan awal kanak-kanak, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia E-mail: zaharah@fpm.upsi.edu.my
Third Author: Name 	Jabatan Pendidikan awal kanak-kanak, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia E-mail: saedah@fpm.upsi.edu.my
Fourth Author: Name 	Jabatan Pendidikan awal kanak-kanak, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia E-mail: hazhari@fpm.upsi.edu.my